

Rujukan kami : PNM (M) 006 JLD 22 ()
Tarikh : Januari, 2013

Seperti Senarai Edaran

YB Datuk/Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEMBEKAL DAN MAKLUMAT KAKITANGAN (NOMBOR TELEFON BIMBIT) DALAM SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDAD KERAJAAN NEGERI (SPEKS) BAGI TUJUAN PELAKSANAAN GERBANG SMS KERAJAAN (mySMS)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YB Datuk/Tuan/Puan, Negeri Melaka akan melaksanakan projek gerbang SMS Kerajaan (mySMS) bagi perkhidmatan hebahan tuntutan pembayaran melalui SPEKS pada tahun ini. Pihak tuan perlu memastikan **nombor telefon bimbit** (keutamaan), alamat emel dan nombor faks setiap penerima bayaran yang berdaftar di bawah jabatan YB Datuk/Tuan/Puan adalah terkini dan dihantar kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Melaka bagi tujuan pengemaskinian data.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YB Datuk/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemaskini maklumat-maklumat nombor telefon bimbit (keutamaan), alamat emel dan nombor faks seperti berikut :

3.1 Mengemaskini Maklumat Pembekal

(Nota : Pengemaskinian Maklumat Pembekal dalam SPEKS akan dibuat oleh Perbendaharaan Negeri)

- i) Dapatkan maklumat lengkap dan terkini nombor telefon bimbit (keutamaan), alamat emel dan nombor faks semua pembekal;
- ii) Lengkapkan Borang Maklumat Pembekal (seperti Lampiran A) dan kemukakan kepada pentadbiran ini sebelum atau pada **20 Februari 2013**.

3.2 Mengemaskini Maklumat Kakitangan

(Nota : Pengemaskinian Maklumat Kakitangan dalam SPEKS akan dibuat oleh Jabatan/PTJ masing-masing)

- i) Pengemaskinian maklumat nombor telefon bimbit (keutamaan), alamat emel dan nombor faks bagi kakitangan dalam SPEKS hendaklah dibuat melalui Modul Kawalan Data – Kod Maklumat Kakitangan (butang 24) dan hendaklah diselesaikan sepenuhnya selewat-lewatnya pada **20 Februari 2013**.

4. Untuk makluman pihak tuan jua, sekiranya maklumat nombor telefon bimbit tidak dikemaskini dalam SPEKS, maka penerima bayaran tidak akan mendapat hebahan mengenai makluman bayaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka apabila projek ini dilaksanakan

kelak. Pihak YB Datuk/Tuan/Puan boleh melayari laman web pentadbiran ini bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan projek mySMS di alamat <http://jkpm.melaka.gov.my>.

5. Kerjasama pihak YB Datuk/Tuan/Puan sangatlah diharapkan bagi menjayakan projek gerbang mySMS ini dan seterusnya merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri ke arah mempertingkatkan produktiviti serta kecekapan pengurusan maklumat. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”
“MELAKA 750 TAHUN”

Saya yang menurut perintah,



(JAFRI BIN JUNIT)
b.p. Bendahari Negeri
MELAKA

s.k. YB Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

- untuk makluman YB Datuk